

06/02/1999

Peguam serah saman Anwar kepada PM

KUALA LUMPUR, Jumaat - Pejabat peguam yang mewakili Datuk Seri Anwar Ibrahim, dalam saman malunya sebanyak RM100 juta ke atas Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini menyerahkan writ saman itu kepada Perdana Menteri menerusi peguamnya.

Gobind Singh Deo yang mewakili Tetuan Karpal Singh & Co mengemukakan writ itu kepada Tetuan Shearn Delamore & Co di Wisma Hamzah-Kwong Hing di Lebu Ampang, di sini jam 11.45 pagi.

Gobind memberitahu pemberita, mereka dimaklumkan "melalui surat" bahawa Shearn Delamore dilantik mewakili Perdana Menteri .

Saman Anwar yang difailkan di pejabat pendaftar Mahkamah Tinggi di sini pada 25 Januari lalu, mendakwa Perdana Menteri mengeluarkan perkataan berunsur fitnah terhadapnya pada 22 September tahun lalu.

Anwar juga memohon perintah injunksi bagi menghalang Perdana Menteri, secara sendiri, atau melalui pekerja dan/atau ejennya, daripada terus membuat sebarang kenyataan berunsur fitnah terhadapnya.

Dalam writ saman itu, Anwar mendakwa Perdana Menteri mengeluarkan perkataan berunsur fitnah kepada wartawan tempatan dan asing termasuk seorang wartawan dari majalah berita antarabangsa, Newsweek, Dorinda Elliot, di pejabatnya pada 22 September tahun lalu.

Anwar berkata, berikutan itu kenyataan berkenaan diterbitkan oleh majalah itu dalam keluarannya bertarikh 5 Oktober lalu di bawah tajuk Here's mud in your face - Accusations of sexual misconduct and corruption in an Asian smear war that rivals even Washington's.

Beliau juga mendakwa, Perdana Menteri mengeluarkan perkataan berunsur fitnah dengan mengetahui bahawa perkataan itu akan disiarkan secara meluas di Malaysia dan di seluruh dunia.

Gobind juga pada kira-kira jam 2.55 petang ini menyerahkan writ saman Anwar kepada Sun Media Corporation Sdn Bhd melalui Tetuan V Siva & Partners. Writ saman itu dikeluarkan berikutan artikel yang didakwa memfitnahnya, September lalu.

Artikel itu bertajuk Anwar's Behaviour Despicable: PM disiarkan pada halaman dua akhbar THE SUN pada 23 September lalu.

Anwar, 51, menghadapi perbicaraan atas lima tuduhan rasuah menggunakan kedudukannya untuk campur tangan dalam siasatan polis mengenai dakwaan salah laku seks terhadapnya.

Mahkamah Tinggi yang mendengar kes itu pada 30 Januari lalu memerintahkan Anwar membela diri terhadap empat pertuduhan rasuah.

Perbicaraan kes itu bersambung Isnin ini.

(END)